

Pertentangan Keluarga dalam Novel Terpilih Fatimah Busu

Family Conflicts in Selected Fatimah Busu's Novels

Siti Khariah M. Zubir, Nor Hasimah Ismail

*Faculty of Language and Communications, Department of Malay Language and Literature,
Sultan Idris Education University, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.*

Email: khariah@fbk.upsi.edu.my

Abstrak

Pertentangan merupakan suatu situasi tidak sehaluan antara dua pihak yang kadangkala menimbulkan kontroversi yang berlarutan. Pertentangan juga mampu mewujudkan kerenggan yang tidak berkesudahan kerana masing-masing ingin memenangi sesuatu keadaan. Pertentangan wujud apabila satu pihak dengan keinginan berlainan percaya bahawa lawan akan bertindak menentang mereka, dan satu pihak akan membuat tingkahlaku yang memudharatkan pihak lawannya. Pertentangan biasanya bermaksud perselisihan, namun boleh juga diertikan sebagai perbalahan. Sungguhpun pertentangan sering dilihat sebagai negatif, dalam keadaan tertentu, ia mampu membawa hasil yang baik. Dalam kajian ini, analisis dilakukan terhadap pertentangan keluarga yang terdapat dalam empat buah novel Fatimah Busu. Objektif kajian ini terbahagi kepada dua, iaitu mengenalpasti isu-isu pertentangan dan menganalisis isu pertentangan keluarga dengan menggunakan pendekatan psikologi Islam Al-Ghazali. Hasil kajian menunjukkan isu pertentangan keluarga boleh dijadikan contoh dan teladan yang berguna kepada pembaca dalam menjalani kehidupan seharian.

Kata kunci *pertentangan keluarga, Fatimah Busu, novel*

Abstract

Conflict is a situation in which there is no agreement between two parties which at times may result in unending controversies. Conflicts may also cause protracted rifts because each party wants to be at the upper hand of the situation. Conflict is a situation in which a party with different point of view believes that their adversary will act to oppose them, which may result in an action taken by a party which may be harmful to the other party. Conflicts may also connote disputes and sometimes contention. Even though conflicts are viewed as something negative, but in some situations, they may also bring in desirable results. In this study, analysis was undertaken to investigate family conflicts in four novels by Fatimah Busu. The study has two objectives, that is to identify the issues of conflicts and to analyze the family conflicts using Islamic psychology approach of Al Ghazali. Findings of this study showed that the issue of

family conflicts can be used as examples and standards that are useful to readers in their daily life,

Keyword *family conflicts, Fatimah Busu, novel*

Pengenalan

Pertentangan dengan keluarga sama penting dengan organisasi. Ia adalah sebahagian daripada kehidupan sesebuah keluarga. Pertentangan juga melibatkan isu kekeluargaan. Terdapat juga sesetengah pihak yang mengelak dari terlibat dengan pertentangan. Mereka bertolak ansur, bersabar dan mengetahui akan peranan masing-masing. Pertentangan berlaku apabila seseorang itu berkeluarga dan mempunyai anak-anak. Kadangkala perbalahan antara adik beradik atau perangai anak-anak yang tidak disenangi merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya pertentangan dalam keluarga. Permasalahan ini wujud kerana terdapat rasa tidak puas hati antara mereka.

Keluarga merupakan institusi penting bermulanya proses seseorang individu mengalami perkembangan antara peribadi yang *intimate* secara keseluruhan yang mana kesejahteraan dan kepuasan hidup bergantung kepada kualiti komunikasi dalam keluarga. Keluarga merupakan ejen sosialisasi bagi anak-anak. Komunikasi dan kemahiran berhubung menentukan kualiti perhubungan antara peribadi mereka sepanjang hayat. Keluarga yang mengurus pertentangan dalam keluarga yang baik dilihat mempunyai prestasi yang baik dalam perhubungan dengan rakan sebaya.

Komunikasi dalam keluarga dilihat bermasalah apabila fungsi kekeluargaan terbina dengan perkongsian minimum antara masyarakat. Keluarga akan sentiasa melakukan perundingan mengenai erti tingkahlaku mereka untuk lebih mendekati masyarakat dan ini menyebabkan komunikasi kekeluargaan dilihat mempunyai masalah. Keluarga juga merupakan masyarakat di dalam negara. Hawwa (1999) menjelaskan pertentangan yang berlaku adalah sesuatu yang normal dan menjadi suatu kebiasaan. Kesedaran pertentangan dalam keluarga haruslah dijadikan sebagai suatu sandaran dan pegangan untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Ghazali (1997). Menyatakan bahawa golongan wanita merupakan golongan yang banyak mengalami pertentangan dalam keluarga. Tambahan pula kaum lelaki mengambil tugas penjagaan secara instrumental dan kaum wanita juga berkerjaya. Keadaan ini menyebabkan ketidakstabilan sesebuah keluarga sekiranya kaum lelaki tidak melaksanakan tugas dengan sempurna mengikut kehendak dan acuan keluarga tersebut

Sorotan Literatur

Fatimah (1983) menyatakan bahawa wanita Melayu tidak mendapat bantuan daripada suami, anak-anak dan pembantu rumah dalam mengendalikan kerja harian di rumah. Dalam menerajui rumahtangga, wanita Melayu ini akan mendapatkan pertolongan daripada jiran, saudara mara dan institusi untuk menjaga anak mereka semasa mereka keluar bekerja.

Nik Azman (2009) menjelaskan pertentangan yang berlaku dalam jiwa sehingga menyebabkan berlakunya pelacuran, mempertahankan hak, pemberontakan individu dan sebagainya. Hasil penelitian pengkaji terhadap pemikiran penulis, masalah ini berpunca daripada kegagalan untuk menangani emosi dan kurangnya penghayatan agama Islam dalam masyarakat.

Mazita (2006) membicarakan tentang wanita yang sering kali berhadapan dengan masalah yang menimpa dirinya. Kehidupan konflik yang digambarkan memberikan kesedihan, kedudukan, kesengsaraan dan kemiskinan. Wanita yang berhadapan dengan konflik hidup akan menyebabkan wanita itu berada dalam kesusahan.

Noor Rashidah (2011: 40) menyatakan terdapat perbezaan dalam setiap pemboleh ubah bagi faktor demografi yang dipilih untuk mengkaji hubungan antara dimensi personaliti dan gaya pengurusan konflik yang dipraktikkan dalam organisasi terbabit. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam faktor demografi yang di uji iaitu umur, tahap pendidikan tinggi, status perkahwinan, tahun perkhidmatan dalam sektor kerajaan, dan gred hakiki jawatan semasa, dalam gaya pengurusan konflik yang diamalkan oleh responden, walaubagaimanapun bagi faktor jantina, bangsa dan purata pelanggan yang berurusan dalam sehari. Penemuan kajian menunjukkan terdapat perbebezaan yang signifikan. Sementara itu, Korelasi Pearson digunakan untuk menyiasat hubungan antara pemboleh ubah bebas dimensi personaliti dan pembolehubah bersandar gaya pengurusan konflik. Penyelidikan ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang amat ketara dan signifikan dalam persepsi majoriti responden bagi dimensi personaliti dengan gaya mengurus konflik yang diamalkan.

Objektif

1. Mengenalpasti isu-isu pertentangan keluarga dalam novel yang dikaji.
2. Menganalisis isu-isu pertentangan keluarga yang terdapat dalam novel karya Fatimah Busu

Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada pertentangan keluarga berdasarkan karya Fatimah Busu. Pengkaji memilih karya Fatimah Busu kerana beliau merupakan salah seorang novelis wanita yang terkenal. Karya-karya yang dihasilkan juga banyak mengandungi nilai-nilai murni yang amat berguna. Beliau juga banyak menerima anugerah hasil daripada penulisannya. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih empat buah novel karya Fatimah Busu yang akan dianalisis secara terperinci. Buku yang dipilih untuk dikaji ialah *Ombak Bukan Biru* (1977), *Salam Maria* (2004), *The Missing Piece I* (2005) dan *The Missing Piece II* (2006). Pemilihan novel ini kerana novel-novel ini banyak mengandungi pertentangan keluarga yang dialami oleh pelbagai watak. Sehubungan dengan itu, pengkaji merasakan kajian perlu dibuat bagi mengatasi masalah ini.

Metodologi Kajian

Pendekatan Psikologi Islam Al -Ghazali

Pendekatan psikologi juga disebut psikologikal. Cara ini memberi penekanan kepada penyorotan kejiwaan dalam kajian sastera. Dalam kajian ini pengkaji memilih psikologi Islam sebagai pendekatan kajian. Psikologi Islam bermaksud perspektif Islam terhadap psikologi moden dengan membuang konsep-konsep yang tidak sesuai dan bertentangan dengan Islam.

Rudy (2009) mendefinisikan psikologi Islam sebagai corak psikologi berdasarkan citra manusia menurut ajaran Islam, yang mempelajari keunikan dan pola perilaku manusia sebagai ungkapan pengalaman interaksi dengan diri sendiri, lingkungan sekitar, dan alam kerohanian, dengan tujuan meningkatkan kesihatan mental dan kualiti keagamaan.

Psikologi Islam ialah usaha membangunkan teori dari Al-Quran, Hadis atau kitab-kitab yang ditulis oleh ulama-ulama Islam yang popular dan terus mewarnai dunia psikologi sekarang hingga berkembang pesat. Hasil karya Al-Ghazali dipilih sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kepada ilmuan Islam. Beliau juga mendapat gelaran '*Hujjatul Islam*' kerana jasanya yang besar bukan sahaja kepada Islam, malah di persada antarabangsa kerana menyediakan sumber rujukan Islam yang menyeluruh. Beliau berusaha mengembalikan kegemilangan umat Islam dengan menyediakan sumber rujukan yang menyeluruh berteraskan Al-Quran dan Hadith. Al Ghazali (2007) merumuskan bahawa jiwa, roh, hati dan akal mempengaruhi luaran. Namun begitu aspek yang paling besar pengaruhnya kepada tingkah laku manusia ialah hati. Perkataan hati secara fizikalnya bermaksud salah satu organ di dalam tubuh manusia iaitu jantung. "hati yang halus itu, ialah hakikat manusia" kerana hati yang merasa mengetahui dan mengenal diri manusia. Huraian berkenaan hati tidak dibuat berasaskan hakikat zatnya, tetapi sifat-sifat dan keadaannya yang halus dan tidak dapat dilihat. Ia terpancar daripada wajah dan tingkah laku manusia. Kerangka teori yang digunakan untuk kajian ini ialah jiwa, hati, akal, hawa nafsu, dan nafsu syahwat melalui Pendekatan Al-Ghazali.

Psikologi Islam menurut Al-Ghazali (Jiwa)

Al-Ghazali (2007) mengelaskan jiwa kepada tiga peringkat iaitu peringkat rendah, pertengahan dan tinggi. Peringkat pertengahan ialah transisi jiwa manusia dalam usaha memperbaiki diri daripada peringkat rendah kepada peringkat tinggi. Antaranya, meninggalkan sifat-sifat haiwan menuju tahap kesempurnaan. Berbeza dengan tokoh-tokoh sufi lain, yang membahagikan jiwa kepada tujuh peringkat seperti,

1. *Ammarah* – Ia cenderung kepada sifat kehaiwanan.
2. *Lawwamah* – Ia mendengar bisikan hati yang mencela keburukan yang dilakukan.
3. *Mulhimah* – Ia menerima inspirasi daripada Allah bagi melakukan suatu perkara kerana sudah berusaha menyucikan hati.

4. *Mutmainnah* – Ia dapat melepaskan diri daripada nafsu syahwat dan tunduk serta patuh kepada peraturan Allah.
5. *Radhiah* – Ia menerima segala perkara yang berlaku ke atas dirinya tanpa rasa marah, sakit ataupun kesal. Ia dipimpin oleh ilmu ladunni dan mempunyai pandangan mata hati yang tajam, dikenali sebagai firasat. Perkara baik ataupun buruk yang menyimpannya tidak menimbulkan perbezaan reaksi kerana reda dengan segala ketetapan Allah.
6. *Mardhiah* – Ia menuju Allah dan meninggalkan alam benda. Orang yang sampai ke peringkat ini disebut sebagai wali.
7. *Saffiyah* atau *kamilah* – Ia mencapai tahap kesucian dan kesempurnaan tertinggi. Hanya para rasul, nabi dan wali yang dapat sampai ke peringkat ini. Pencapaian tingkat-tingkat nafsu manusia bergantung pada ilmu dan latihan jiwa.

Oleh sebab itu, Al-Ghazali (2007) mengambil berat berkenaan pendedahan pancaindera manusia kerana merangsangkan aspek dalaman. Segala maklumat menimbulkan khayalan, keinginan, pemikiran dan memberi kesan kepada hati bagi mendorong anggota badan bertindak Apabila aspek dalaman menerima baik, baiklah arahan-arahan yang dikeluarkan oleh hati. Seterusnya baik pula segala perkara yang terpancar daripada diri individu itu. Air muka yang tenang dan tingkah laku yang sopan adalah pancaran daripada aspek dalaman diri.

Psikologi Islam menurut Al-Ghazali (Hati)

Menurut Al-Ghazali hati (*qalb*) ialah unsur halus yang bersifat ketuhanan dan metafizik yang berada pada bentuk hati yang bersifat jasmani. Melalui hati manusia dapat mengetahui rahsia alam ghaib dan nilai-nilai Ilahiyah. Al-Ghazali (2007) menjelaskan bahawa peranan hati dalam kehidupan manusia dapat meninggikan martabat manusia dalam kehidupan dunia dan akhirat. Faktor ini kerana dengan hati manusia mampu mengenal Allah. Haluk Nurbaki menyatakan, “Adalah mustahil untuk manusia mengenal Tuhan hanya dengan akal kerana akal tidak mampu mencapainya tanpa bantuan lima deria yang kita miliki.” Allah tidak menyerupai sesuatu. Allah tidak dapat dilihat dengan pancaindera, tetapi dengan menggunakan pancaindera manusia dapat memerhatikan segala ciptaannya. Daripada pemerhatian itu, ia menggerakkan hati merasai kewujudannya. Daya intelek tidak mampu melihat Tuhan, hanya hati yang dapat merasai kebesarannya. Perasaan ini menjadikan manusia berusaha menjalani kehidupannya sesuai dengan perintah Allah.

Perintah Allah adalah yang terbaik kerana Dia yang menciptakan seluruh alam ini. Sudah tentu Pencipta lebih mengetahui perkara yang dicipta. Begitu juga manusia yang hidup di alam ini. Apabila manusia berjaya menjalani kehidupan di dunia dengan mengikut perintah Allah, ia selamat daripada kebinasaan hidup di dunia dan akhirat. Dunia ialah jambatan menuju akhirat. Dunia juga merupakan tempat ujian. Keputusan ujian di dunia diterima oleh manusia di akhirat. Ilmu yang memberi manfaat kepada manusia bukan sahaja diproses oleh akal, tetapi diproses juga oleh hati. Apabila ilmu sampai ke hati, barulah ilmu dapat mencetuskan daya tindak individu yang disebut sebagai gerak hati.

Al Ghazali menyatakan hati berfungsi mengesan perkara-perkara abstrak dan subjektif. Manusia itu menyediakan diri bagi makrifah (mengawal) dengan hatinya. Oleh itu, penting memahami persoalan hati bagi membolehkan manusia mengenal dirinya. Pepatah Arab ada menyebut. “Apa yang lahir dari bibir akan sampai ke telinga, apa yang lahir daripada minda akan sampai ke hati.”

Dalam ajaran Islam, syarat sah segala amalan ibadat Muslim seperti sembahyang, zakat, puasa dan haji adalah disertakan dengan niat. Hal ini bermakna, manusia tidak boleh hanya melihat dirinya dalam bentuk fizikal sahaja, tetapi perlu juga melihat aspek spiritual. Ia selaras dengan fitrah kejadian manusia yang terdiri daripada roh dan jasad. Apabila manusia itu mengenal dirinya dia mudah mengenal Tuhan.

Al-Ghazali (2007) mengatakan mengenai hati dan sifat-sifatnya ialah pokok agama dan sendi jalan orang-orang yang berjalan kepada Allah. Hati yang tidak berupaya merasai perkara-perkara abstrak menjadikan manusia itu terlalu menumpukan pada aspek-aspek fizikal seperti paras rupa, harta kekayaan dan kekuasaan. Penilaian sesuatu perkara lebih berasaskan kuantiti tanpa mengambil kira kualiti. Keadaan ini menyalahi fitrah kejadian manusia. Ia mengakibatkan wujud ketidakseimbangan dalam kehidupan. Aspek paling pengaruh tingkah laku ialah hati.

Al- Ghazali (2007), merumuskan aspek dalaman manusia, iaitu jiwa, roh, hati dan akal mempengaruhi sifat-sifat luaran. Namun begitu aspek yang paling besar pengaruhnya kepada tingkah laku manusia ialah hati. Perkataan hati secara fizikalnya bermaksud salah satu organ di dalam tubuh manusia, iaitu jantung. Hati yang halus ialah hakikat manusia kerana hati yang merasa, mengetahui dan mengenal diri manusia. Ia terpancar daripada wajah dan tingkah laku.

Psikologi Islam menurut Imam Al-Ghazali (Akal)

Al Ghazali (2007) menjelaskan bahawa akal mempunyai dua pengertian iaitu aspek fizikal dan halus. Al-Ghazali memberi tumpuan pada pengertian akal yang halus serta mampu memberi pengertian pada segala yang dipandang dan dilakukan. Menurut Al-Ghazali akal dikelompokkan kepada akal praktis (*al-‘amilat*) dan akal teoretis (*al-‘alimat*) berdasarkan tinggi jangkauannya dapat dibezakan atas akal meterial (*al-‘aql al-hayulani*), akal mungkin (*al-aql al-malakati*), akal aktual (*al-‘aql bi al-fi’li*) dan akal perolehan (*al-‘aql al-mustafad*). Selain itu dalam tasawuf Al-Ghazali juga membahagikan akal kepada akal (berfikir dan belajar) dan taklid (mengikut) kepada Nabi.

Psikologi Islam menurut Imam al-Ghazali (Hawa Nafsu)

Al Ghazali (2007) menjelaskan bahawa *nafs* secara etimologi menerangkan istilah yang berhubungan dengan asal usul penipuan dan secara silih berganti juga dipakai dengan literatur Arab dengan erti “jiwa kehidupan” atau “ghairah dan hasrat duniawi” sebagai dorongan yang kemudian melahirkan nafsu. Al-Ghazali telah membahagikan nafsu manusia kepada 3 kategori iaitu Nafsu *ammarah* iaitu nafsu yang tunduk dan patuh menurut kehendak nafsu syahwat dan syaitan. Allah menyatakan dalam surah

Yusuf ayat 53 yang bermaksud “*Sesungguhnya nafsu ammarah itu selalu menyuruh kepada kejahatan*”.

1. Nafsu *ammarah* tidak dapat dikawal dengan sempurna oleh hati. Jika hati tidak dapat meminta bantuan ilmu, hikmah kebijaksanaan dan akal hati akan binasa. Oleh itu, individu terjerumus ke arah tingkah laku yang melanggar syariat, tidak beradab, tidak berperikemanusiaan, bertindak mengikut sesuka hati, zalim dan pelbagai keburukan serta bencana kepada diri serta persekitaran. Sukar menegur orang-orang yang memiliki jiwa seperti ini kerana tidak peka dengan kesilapan atau kesalahan yang dilakukan. Nafsu *ammarah* menduduki tempat paling rendah dalam kehidupan manusia, malah lebih rendah daripada haiwan. Hal ini kerana haiwan tidak mempunyai akal. Mereka bertindak sekadar memenuhi keperluan hidup. Namun, kesan yang dihasilkan tidaklah seteruk yang dilakukan oleh manusia.
2. Nafsu *lawwamah* ialah nafsu tercela kerana kelalaian tuannya melaksanakan peraturan-peraturan Allah. Allah menyatakan dalam surah *Al-Qiyamah* ayat 2 yang bermaksud, “*Aku bersumpah dengan nafsu lawwarah (yang amat menyesali dirinya sendiri).*” Orang yang memiliki jiwa seperti ini menyesali perbuatan salah lakunya dan berinisiatif untuk kembali ke landasan yang benar. Oleh itu, mudah membaiki diri dan mudah menerima teguran orang lain. Individu itu tidak hanyut dalam arus kesesatan yang membinasakan diri baik dalam kehidupan dunia mahu pun akhirat. Ia sering memikirkan baik buruk, halal, haram, betul salah, berdosa ataupun tidak dalam segala tindakannya.
3. Nafsu *Mutmainnah* ialah jiwa yang tenang. Allah menyatakan dalam surah *al-Fajr* ayat 27 hingga 30 yang bermaksud, “*Wahai nafsu mutmainnah (jiwa yang tenang). Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi direndainya. Maka masuklah ke dalam jamaah hamba-hambaku dan masuklah ke dalam syurgaku*” Orang yang memiliki jiwa seperti ini dapat mengawal nafsu syahwat dengan baik dan sentiasa cenderung melakukan kebaikan. Segala kesenangan hidup tidak membuat dia lupa diri dan kesusahan yang dialami tidak menjadikan dirinya gelisah. Hal ini kerana hatinya mempunyai ikatan yang kuat kepada Allah. Ia redha dengan segala ketetapan dan ujian yang Allah memberikan kepadanya. Berdasarkan maksud ayat yang disebut di atas, individu yang sampai ke tahap ini akan mendapat balasan syurga.

Syahwat (Nafsu Syahwat)

Syahwat merupakan fitrah kecenderungan yang bersifat universal. Sekiranya menjalankan sesuatu mengikut fitrah ini seperti menyukai individu berlawanan jenis, menyayangi anak dan sebagainya secara benar (sah dan halal menurut syariat) akan dianggap sebagai ibadah.

Kehidupan di dunia yang mengikut syahwat merupakan sifat yang tercela. Syahwat akan selalu mendorong seseorang melakukan perkara atau tingkah laku yang negatif.

Cara untuk membaikinya adalah dengan mengamalkan akhlak yang terpuji. Sesiapa yang melakukan perkara yang berdosa seharusnya segera bertaubat dan meminta keampunan daripada Allah S.W.T.

Syahwat merupakan perbuatan yang membawa kepada ke arah keburukan. Syahwat juga mampu melakukan hubungan seksual dengan memperoleh kenikmatan jasad tetapi tidak memperoleh kebahagiaan yang hakiki. Syahwat merupakan perasaan cinta yang merosakkan jika dilakukan secara berlebihan dan dapat menimbulkan sakit lahiriah seperti gangguan kepada otak, hilang akal, stres, lemah badan, kurus, dan penyakit lain yang berkaitan dengannya.

Analisis Pertentangan Keluarga dalam Novel Terpilih Fatimah Busu

Situasi pertentangan dalam keluarga berlaku apabila sesama ahli keluarga tidak berpuas hati dengan adik beradik yang lain. Hal ini menyebabkan berlaku pertentangan dan kehidupan mereka menjadi tidak aman. Saling mendengki dan hubungan silaturahim agak longgar mengakibatkan persengketaan berlaku dalam keluarga. Apabila keadaan ini wujud, tidak akan ada perasaan tolong menolong, malahan berusaha untuk menjatuhkan musuh masing-masing.

Apabila mengetahui Imrah akan berkahwin dengan orang putih, kakak-kakak Imrah yang cemburu dengan Imrah sebagai anak bongsu yang selalu mendapat lebih keistimewaan daripada ayahnya, mereka mula menyindir ayahnya. Mereka tidak senang dengan keistimewaan yang diperoleh oleh Imrah. Mereka cemburu kerana pemberian harta ayah banyak diberi kepada Imrah. Kakak-kakaknya yang lain terasa disisihkan dan melebihi yang bongsu.

Bersesuaian dengan kata-kata dalam buku *Psikologi Nabi*,

“Sesungguhnya nikmat-nikmat Allah itu mempunyai musuh-musuh.” Lalu beliau bertanya, “Siapa mereka?” Beliau menjawab “Iaitu orang-orang yang dengki terhadap orang yang mendapat kurnia Allah.”

(Najati, 2005)

Bagi kakak Imrah pula, walaupun ayahnya menyayangi Imrah bagai menatang minyak yang penuh tapi Imrah seorang anak yang degil dan tidak mendengar cakap orang tua. Pertentangan keluarga wujud apabila Imrah mahu bersuamikan orang putih iaitu Lawrence. Ayah melarang keras hubungan mereka. Walaupun mendapat tentangan hebat daripada keluarga, Imrah tetap mengikut kata hati dan memilih orang putih itu juga sebagai suaminya. Imrah sanggup dibuang keluarga kerana mahu memenuhi kehendak hatinya.

Ayah nekad menghalang perhubungan Imrah dengan Lawrence kerana beliau tidak mahu bermenantikan orang kafir. Ayah bertindak menampar dan menendang Imrah kerana ayah malu kepada orang kampung. Ayah ialah seorang Tok Aji yang disegani di kampung itu. Ayah tidak mahu anaknya menikah dengan orang kafir. Pertentangan dalam keluarga berlaku apabila ayah menentang perkahwinan itu.

Belempang tangan ayah menutup muka aku. Auuuuu!! Alangkah sakitnya! Sakit!! Emak terkam masuk. Ayah tolak emak. Emak jatuh tepi dinding. Abang Muhamad heret tangan kakak. Dan keduanya hilang.

“Begini balasan engkau Imrah! Begini ya? Engkau memalukan muka aku? Engkau mahu jadi kafir? Anak Tok Aji jadi orang kafir! Semua orang dalam kampung ini kenal siapa aku! Engkau seekor sahaja tidak kenal siapa aku. Pergilah ikut binatang kafir itu. Pergi!!!”

Bedebak! Rasa macam patah tulang belakang kena tendang ayah dan aku tersungkur.
(Fatimah, 1977)

Imrah juga seorang manusia yang mengikut kata hati, dia seorang yang degil kerana tidak mendengar nasihat ibu ayah. Imrah sendiri berkonflik dengan diri sendiri antara mengikut kata hati atau menurut perintah ayahnya. Akhirnya dia mengikut kata hatinya memilih Lawrence walaupun ditentang oleh ayahnya sehingga membuang Imrah daripada keluarganya. Situasi ini berkaitan dengan *nafs* AL-GHAZALI (2007) menyatakan waspadalah dengan nafsumu.

Dan aku tidak membebaskan diriku (daripada kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (Al Qur'an, 1980) (12:53)

Perbuatan ayah yang suka menampar dan menendang anaknya menyebabkan ibu mengambil keputusan menyuruh anaknya Imrah keluar dari rumah itu dan meninggalkan ayahnya yang sedang marah. Pertentangan juga timbul dalam diri ibu yang serba salah di mana ibu terpaksa berdepan dengan situasi ayah yang marah akan anak dan anak yang mengikut kata hati yang tidak mendengar nasihat ayahnya. Akhirnya ayah Imrah telah menghalau Imrah dan tidak mengaku Imrah sebagai anaknya.

Pengkaji mendapati ayah Imrah tidak bersetuju untuk bernenantikan orang putih kerana pada anggapannya orang putih ini ialah bangsa yang pernah menjajah mereka suatu ketika dahulu. Oleh itu akhlak orang putih adalah tidak baik dan bangsa ini memang tidak boleh dijadikan keluarga. Apabila ayah Imrah membantah, ini menimbulkan pertentangan yang hebat dalam diri Imrah. Keluarga Imrah sebenarnya memandang serong kepada Imrah kerana mahu berkahwin dengan Lawrence. Sehubungan dengan itu, wujud pertentangan keluarga dalam diri Imrah. Situasi ini bertepatan dengan teori Islam iaitu *bashirah* yang berkaitan pandangan mata batin atau pandangan mata hati sebagai lawan pandangan mata kepala. Sebenarnya wujud perbezaan antara mata hati (*qalb*) dengan mata hati (*bashirah*). Menurut *qalb* masih boleh menipu diri sendi, pura-pura tidak tahu, manakala *bashirah* selalu konsisten jujur dan peka. Hal ini wujud kerana ada pihak daripada keluarga yang cemburu dengan kesenangan yang dimiliki oleh Imrah. Ayah sebenarnya memberikan tanah lebih daripada adik beradik yang lain kerana Imrah ialah anak bongsu dalam keluarga.

Nik Aziz (2002) menyatakan keluarga Imrah tidak mempunyai semangat kekitaan. Keluarga yang berdaya maju ialah keluarga yang mempunyai budaya kekitaan. Semua anggota keluarga bekerjasama menggabungkan bakat dan tenaga mereka untuk membina sesuatu yang lebih baik. Perkara ini dijelaskan oleh dalam bukunya *Keluarga*

Berdaya Maju. Dalam keluarga yang mengamalkan budaya saling bergantung, setiap ahli keluarga berpeluang untuk berkongsi diri secara intim dan bermakna dengan ahli yang lain. Hal ini akan dapat memanfaatkan sumber dan kepakaran luas kepada ahli lain. Apabila wujudnya sifat-sifat saling mendengki dan cemburu dengan kejayaan orang lain maka sesebuah keluarga itu tidak akan bahagia. Seharusnya kakak Imrah tidak cemburu dengan adiknya sendiri. Sebaliknya mereka tidak senang dengan kebahagiaan yang dimiliki oleh adiknya.

Ghazali (1997) menjelaskan maju mundur sesebuah negara bergantung kepada konsep nilai yang diamalkan oleh rakyatnya. Kuantiti sumber yang ada belum boleh menjamin kemajuan sesebuah negara Terdapat banyak negara yang kaya hasil sumbernya tetapi miskin moral rakyatnya. Kesejahteraan negara banyak bergantung kepada keamanan dalam negeri. Kawalan nilai terhadap individu dan didikan akhlak yang konsisten kepada jemaah (masyarakat) ialah faktor-faktor yang boleh menjamin keamanan, kedamaian, keadilan, perpaduan, dan kesejahteraan sesebuah negara.

Dalam novel *Salam Maria* (2004) terdapat banyak pertentangan keluarga yang berlaku. Situasi ini berlaku kadangkala di luar batasan kemanusiaan. Masalah yang berlaku dalam keluarga ini menyebabkan penderitaan yang ditanggung berpanjangan. Isu haruan makan anak makin menjadi-jadi dewasa ini. Dalam novel ini juga dipaparkan permasalahan sedemikian, iaitu Arifah murid tingkatan dua yang mengandungkan anak ayahnya.

Sebagai ketua keluarga sepatutnya seorang ayah harus menjaga dan melindungi anak sebaliknya ayah yang menjahanamkan anak seumpama haruan makan anak. Begitu juga dengan seorang datuk sepatutnya memberi kasih sayang terhadap cucunya tetapi sebaliknya datuk yang melakukan perkara sumbang ke atas cucunya.

“Yang seorang lagi nama Rohidah, anak jiran kakak. Tingkatan tiga, sekolah. Datuk dia yang kerjakan. Mereka pun tidak buat report juga. Dia pun sudah keluar sekolah. Bapa dia beritahu orang budak itu hendak pergi duduk dengan neneknya di bandar”.
(Fatimah, 2004)

Achmad (2000) menyatakan *nafs* sebagai wadah atau penggerak tingkah laku. Tuhan tidak akan merubah keadaan sesuatu kaum sampai mereka mengubah nafs mereka. Ayah dan datuk sepatutnya tidak mengikut nafsu sebaliknya menjaga keselamatan anak cucu agar hidup bahagia.

Al-Hilali (1999) menyatakan hawa nafsu adalah sesuatu yang disenangi oleh jiwa. Setiap jiwa yang tidak dibiasakan dengan Mujahadah, maka ia akan terkena kelalaian dan syahwat. Sehubungan dengan itu, kawalan diri dan kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenar ialah perkara yang perlu diberi perhatian untuk menjadi insan yang sempurna di dunia ini.

Bagi mengelakkan perasaan malu, keluarga sanggup menghantar ahli keluarga mereka ke tempat yang lebih jauh daripada orang ramai, iatu di teratak Maria Zaitun yang berada jauh di dalam hutan. Hal ini berlaku kepada Rohidah murid tingkatan tiga yang mengandungkan anak datuknya.

Dalam Al-Quran ada menjelaskan sesiapa lelaki yang melakukan zina dengan mahramnya sama saja hukumannya seperti murtad dan hukumannya harus dibunuh. Kalau pasangan berzina daripada orang-orang yang pernah berkahwin, harus direjam

sampai mati. Kalau pasangan zina yang belum pernah kahwin, dikenakan sebatan sebanyak 80 kali dan selepas itu haruslah dibuang daerah.

Perbuatan 'haruan makan anak' ini dianggap zalim. Ghazali (1997) menyatakan bahawa Al Quran mendedahkan bahawa kezaliman terdiri daripada pelbagai maksud. Antaranya bermaksud aniaya, dianiaya atau sebagai *minazzalim* yang bermaksud orang daripada golongan yang zalim. Maksud lain dengan lebih jelas ialah orang yang melanggar larangan, menyimpang daripada kebenaran dan keadilan yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Antara sifat orang yang zalim suka melampaui batas, cenderung kepada kejahatan, tidak beriman dan mengambil hak orang lain. Golongan yang zalim disebut dalam Al-Quran ialah golongan Al'asyi (Pembuat Maksiat) iaitu golongan yang suka melanggar larangan Allah. Orang Arab mengatakan bahawa sesiapa yang memelihara dosa sesungguhnya dia adalah zalim.

Dalam novel *Kepulangan* pertentangan keluarga berlaku apabila masyarakat di kampung yang berpindah di bandar. Anak-anak masa kini lebih selesa berada di bandar berbanding tinggal di kampung yang serba kekurangan. Sebagai anak cucu dalam keluarga perlulah menghormati orang yang lebih tua. Yang muda perlu menjaga hati orang tua dan jika seseorang itu bahagia, gembira dan berjaya janganlah melupakan orang lain kerana nasib seseorang itu tidak sama.

Anak cucu datang berderu-deran kalau ada buah kayu masak di pohon. Wowih, wowih, wowihhhh, kait buah kayu. Tak cukup galah rukah pohon, berjangkit dahan ke dahan macam kera duku. Bukan mahu tolong kerat ranting-ranting kayu dekat layang rumah buat kayu api nenek masak nasi. Bukan mahu tolong angkat air di telaga nenek buat basuh pinggan. Makan nasi tinggal pinggan telentang sana sini, bukan mahu tolong kemaskan. Cucu-cucu masa kini semuanya sudah tidak tahu buat sendiri. Semuanya harap orang gaji, tukang masak, tukang cuci!

'Nenek! Kami balik dulu...malam ini ada siri istimewa TV. Rumah nenek tidak seronok, tidak ada letrik. Kami tidak boleh duduk dalam gelap, lemas! Nenek tanak nasi pakai kayu api, habis asap masuk mata, bukan macam rumah kami ada dapur gas, tidak ada asap apa-apa?

'Balik esoklah! Tidur semalam di sini!'

"Nyamuk banyak! Mana boleh tidur, nyamuk terbang keliling telinga. Nanti minggu depan kami datang lagi, Tentu buah langsung elok ranum.'

'Nenek kirim salam dengan mak kamu!'

'Ah, lupa, mangkuk kuih kami mesti bawa balik. Kalau tidak mak marah tinggal rumah nenek.'

Belum jadi laki orang bini orang, sudah lupa tempat berak kencing. Kalau sudah jadi laki orang, bini orang, entah macam mana agaknya, nenek pun tidak kenal. Masa kecil kalau berjalan suruh nenek dukung, waktu ini malu bukan kepalang kalau kebetulan nenek mahu ikut berjalan. Tahi mata sudah bertemppek, siapa yang tidak jijik hendak tengok.

(Fatimah, 1980)

Ghazali (1997) menyatakan bahawa manusia dijadikan Allah sama sahaja dari segi taklifah akan tetapi secara sepintas lalu terasa oleh kita pada hakikatnya manusia ini tidak sama keadaannya, bahkan mempunyai perbezaan untung nasib yang ketara sesama manusia. Manusia tidak sama dalam kepandaian dan kecekapannya, kekuatan

jasmaninya dan tidak sama pula dari segi semangatnya. Sesetengahnya dilahirkan dalam kemewahan dan lainnya dalam kemiskinan. Berjuta-juta manusia lainnya telah dilahirkan untuk menghadapi penderitaan walaupun mereka itu hidup dalam negeri yang aman. Ada yang kekurangan makanan, kebuluran, serta mempertaruhkan nyawa untuk sesuap nasi. Ini semua keadilan Allah terhadap makhluk-Nya. Kaya miskin manusia dibezakan oleh harta benda dan keadilan itu sendiri bermaksud: 'Meletakkan sesuatu kena pada tempatnya.

Pertentangan dalam keluarga juga wujud *The Missing Piece I* (2005) antara Imrah dengan kakaknya Rohani. Pertentangan wujud apabila Imrah memang tidak sehaluan dengan kakaknya. Imrah tidak rindu untuk balik kampung apabila mengenangkan dia tidak sehaluan dengan kakaknya Rohani semenjak kecil lagi.

Pendekatan Islam Al Ghazali ada menyarankan seseorang yang berakhlak luhur secara tidak langsung akan menjadikan seseorang berakhlak mulia. Pernyataan ini jelas menunjukkan walaupun sebuah keluarga, tetapi sifat dengki dan tidak senang dengan kebahagiaan orang lain dapat dilihat dan menyebabkan berlakunya pertentangan contohnya Rohani berkonflik dengan Imrah walaupun adik beradik. Apabila berlaku situasi sebegini, Imrah pun menjadi tawar hati dan tidak mahu pulang ke kampung.

Aku tidak begitu rindu untuk balik ke kampung. Apa yang sering terbayang di ingatanku di rumah hanyalah tentang kerenah keluarga Kak Rohani. Kami memang tidak sebulu semenjak kecil lagi. Aku tidak pernah mempunyai rasa kemesraan terhadapnya. Justeru, kalau aku balik ke rumahpun, aku tidak akan merasa senang dengan kehadiran keluarga dia di dalam rumah itu.

(Fatimah, 2005)

Dalam hubungan kekeluargaan, silaturahim adalah penting. Sehubungan dengan itu, sebagai mengatasi permasalahan dalam keluarga kerajaan juga telah menganjurkan Konvensyen Masyarakat Madani pada tahun 1995. Antara resolusi yang disarankan ialah menyegarkan kembali nilai-nilai akhlak dan tatahidup serba Islamik serta penyegaran kembali nilai-nilai tradisi bangsa yang sudah diusap dan diresapi dengan roh keIslaman dan keimanan sejati. Amina (1999) dalam keluarga perlulah mempunyai sifat tolaq ansur, kasih sayang dan hormat menghormati sesama Islam.

Abu (2003) menyatakan bahawa adab hidup bermasyarakat menampakkan akhlak yang mulia, bermuka manis, memberikan contoh teladan yang baik, menziarahi orang sakit, menghormati orang yang lebih tua dan menggembirakan mereka. Selanjutnya berlapang dada dalam masalah khilafiah, menutup aib kaum Muslimin, menghindar untuk tidak bertegur sapa selama tiga hari. Sentiasa memberikan bantuan, bersedia membimbing golongan jahil, menjaga pandangan dan kehormatan terhadap wanita, berazam dan berusaha mencegah kemungkaran dan selalu berdoa agar selalu diberi petunjuk Allah S.W.T.

Pertentangan dalam keluarga berlaku dalam *The Missing Piece II*. Imrah begitu tertekan sejak Lawrence terlibat dalam kemalangan jalan raya. Imrah sedih kerana terdapat anak yang mendengar cakapnya dan ada yang tidak mengikut kata-katanya. Suasana menjadi sedikit damai walaupun wujud rasa sedih kerana adik mahu meninggalkan Imrah dan Lawrence untuk menyambung pelajaran dan menjadi Tahfiz. Pertentangan dalam keluarga wujud apabila Imrah merasakan adik terlalu muda untuk

hidup berjauhan daripada keluarga. Namun kemahuan adik mahu menjadi Tahfiz ialah niat baik adik. Maka Lawrence dan Imrah pun bersetuju melepaskan adik. Pengkaji mendapati Imrah ialah seorang ibu yang amat menyayangi dan sanggup berkorban apa sahaja demi anak dan suami yang tercinta hingga dikagumi oleh orang lain. Inilah sifat penyayang dan pengorbanan Imrah sebagai seorang ibu dan isteri yang cekal dan tabah dalam membesarkan anaknya meskipun terpaksa membesar dan mendidik anak seorang diri kerana suami terlibat dalam kemalangan jalan raya. Kegigihan, kecekalan dan ketabahan Imrah wajar dicontohi.

Dalam Islam, mendidik anak adalah wajib. Anak merupakan penyambung zuriat dan generasi akan datang (Al-Hilali, 1999). Berikut ialah cara didikan yang wanita solehah. Anak-anak hendaklah diajarkan tauhid agar tidak menyekutukan Allah. Anak mesti dididik agar pandai bersyukur kepada Allah. Seterusnya ibu ayah perlu mendidik agar berbakti kepada kedua-dua ibu bapa. Anak dididik supaya tidak sombong dan tetap berbuat baik kepada sesama manusia. Anak perlu diajar tentang ancaman Allah bagi anak-anak yang tidak taat kepadanya dan khabar gembira bagi yang mentaatiNya.

Walaupun adik masih kecil tetapi Imrah percaya adik boleh berdikari dan membawa diri. Imrah sebenarnya lebih membimbangkan Junior daripada adik. Selepas pemergian adik, kebimbangan Imrah terhadap Junior menjadi kenyataan apabila pada suatu hari Imrah terbau asap keluar dari bilik Junior. Imrah mendapati bilik Junior yang tidak terurus menunjukkan Junior sudah menghisap rokok dan menyimpan gambar-gambar artis yang tidak menutup aurat.

Pertentangan keluarga berlaku apabila Imrah dan Lawrence terjumpa gambar-gambar yang tidak elok serta putung rokok di dalam bilik Junior. Mereka begitu terkejut dengan tindakan Junior yang bertindak liar dan berkelakuan tidak baik. Merokok dan menyimpan gambar lucah amat mengguris hati kedua-dua orang tuanya. Pangkal segala aib yang terdapat dalam diri manusia ialah maksiat, kelalaian dan nafsu syahwat.

Segala perlakuan yang berlaku ke atas diri seseorang itu ialah kemahuannya sendiri. Tambahan pula Junior sudah dididik dan diberi pendidikan agama yang secukupnya oleh Imrah dan Lawrence. Kejadian ini berlaku kerana Junior terpengaruh dan jiwanya terlau mudah menerima perubahan walaupun terang-terangan melanggar batasan agama.

As-Siddiq (2002) menjelaskan bahawa Rasulullah bersabda: Dengan akal iman, agama dan akhlak manusia akan menjadi sempurna; Hadis ini menunjukkan bahawa kemuliaan makhluk bernama manusia adalah kerana dia mempunyai akal dan akal berkaitan iman, agama dan akhlak. Setiap manusia perlulah menggunakan akal dengan sebaiknya.

Perlakuan dan tindakan Junior menyebabkan Imrah berkonflik dalam diri. Lawrence pula masih belum sembuh daripada sakitnya. Keadaan ini membuat Imrah dan Lawrence tercari-cari kesalahan mereka. Perlakuan Junior amat mengecewakannya. Dalam hal ini Imrah dan Lawrence tidak tahu kesilapan mereka mendidik anak-anak sehingga menyebabkan Junior berperangai sedemikian.

Pertentangan keluarga terus berlaku apabila Junior ingin melanjutkan pelajaran. Junior tidak mahu masuk ke kolej matrikulasi. Dia berhasrat untuk pergi belajar ke luar negara. Dia juga tidak mahu ketinggalan dan mahu keluar dari rumah seperti adiknya.

Pertentangan berlaku dalam diri Imrah kerana adik sudah pergi belajar di Gombak, kini Junior pula mahu melanjutkan pelajaran ke luar negara. Sedangkan penyakit Lawrence makin bertambah teruk. Di sudut hati Imrah berlaku konflik dalaman. Dia serba salah mahu melepaskan Junior ke luar negara kerana adik pun belajar di luar dan tidak tinggal di rumah. Kalau tidak diberi kebenaran belajar di luar negara seolah-olah dia pilih kasih terhadap anaknya. Jadi dia pun membenarkannya dalam keadaan terpaksa.

Pengkaji menjumpai pertentangan yang berlaku dalam diri Imrah ialah berkaitan jiwa. Buhairi (t.th) menyatakan dalam Al Quran menggambarkan dalam jiwa manusia terdapat kelemahan yang tidak diketahui, dan perasaan terhadap dirinya, terhadap kaum kerabat, terhadap orang-orang yang bersengketa yang lemah, ataupun yang kuat. Demikian pula, terhadap orang tua, dan kaum kerabat, terhadap kaum fakir dan kaya, terhadap kasih sayang dan kekerasan. Semua hal di atas menguatkan perjuangan yang berat, perjuangan untuk menaiki puncak yang tidak berkaitan dengan sesuatu kecuali dengan ikatan Allah.

Walaupun berpertentangan dalam diri Imrah tentang tempat belajar anak-anaknya, Imrah tetap membenarkan kedua anaknya itu melanjutkan pelajaran. Dia akur dengan ketentuan Allah S.W.T. sungguhpun dia terpaksa menjaga suaminya seorang diri. Pertentangan terus berlaku dalam diri Imrah apabila Junior membawa pulang teman wanita pada hari kematian ayahnya. Lebih malang lagi Junior mahu tinggal sebilik dengan teman wanitanya yang belum dikahwininya. Hal ini amat menyentuh sanubari Imrah. Hawa nafsu juga telah menyebabkan Junior tersasar daripada landasan agama apabila beliau melanjutkan pelajaran di luar negara. Apabila pulang ke rumah Junior memakai kemeja T merah tidak berlengan ada gambar tengkorak di dadanya yang bersilang tulang seperti lambang bendera lanun dalam filem-filem Hollywood. Seluar jeans biru lusuh koyak di bahagian lutut. Kedua-dua belah telinganya bertindik dengan aning-anting bentuk cincin. Rambutnya warna perang terpacak, punk. Ada gelang hitam tidak tahu diperbuat daripada apa di kedua-kedua belah pergelangan tanganya. Perempuan yang dibawa oleh Junior ialah seorang wanita berbangsa Inggeris yang berkulit putih. Perempuan itu memakai mini skrit yang sangat pendek berwarna biru lusuh seperti seluar jeans Junior, Baju T leher bulat tidak berlengan warna putih. Terdapat gambar lukisan abstrak di dadanya dan rambutnya yang panjang mengembang.

Pengkaji mendapati situasi yang berlaku kepada Junior ialah dia terlalu mengikut hawa nafsu dan mengikut kata hati tanpa memikirkan halal dan haram tentang sesuatu perbuatan. Junior sanggup melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama Islam walaupun dia tahu perbuatannya itu melanggar peraturan agama Islam. Dalam konteks masa kini, ungkapan keruntuhan akhlak dilanjutkan kepada pergaulan di antara sesama lelaki dan perempuan. Pergaulan tanpa batasan antara lelaki dan perempuan ialah satu perbuatan yang dilarang oleh agama Islam dan boleh membawa kepada keruntuhan akhlak dan masalah sosial. Walau apa pun yang kita maksudkan dengan ungkapan keruntuhan akhlak itu semuanya merujuk kepada segala bentuk perlakuan manusia yang bertentangan dengan kehendak syariat Islam dan akal murni kemanusiaan.

“Tidak bolehkah kami gunakan bilik tidur utama?”

“Untuk apa? Bilik air yang di luar itu ada, bukan?”

Mama tidak mahu orang asing masuk gunakan bilik tidur itu...”

“Junior maksudkan kami duduk di dalam bilik itu...”

Aku terdengar panahan petir yang sangat-sangat kuat dan dahsyat. Rasa hangus rentung segala kulit dan dagingku. Aku rasa diri aku sudah hancur menjadi abu arang atas tanah. Aku pandang Junior.

“Apakah Junior mahu tidur sekali dengan dia dalam satu bilik ? Begitu?”

“Ya. Apa salahnya?”

“Junior sudah kahwin dengan perempuan itu?”

“Tidak. Di sana pun kami sudah duduk bersama-sama. Sudah lama.”

“Innalillah... Innalillah... Innalillah... Junior sudah duduk dengan dia sebagai orang yang berkahwin, begitu?”

“Kami sama-sama suka...”

“Astaghfirullah...ya Tuhanku! Astaghfirullah...”

“Di sana ramai yang buat mama. Tidak ada siapapun yang ambil kisah. Bukan ganjil sangat...”

(Fatimah, 2006)

Nur Iman (2002) Menyatakan hawa nafsu ini sentiasa cuba mempengaruhi manusia yang lalai dan lupa terhadap Allah S.W.T. HR Al- Bukhari Musim dan Malik diriwayatkan Abi Hurairah Raadhitalau' anhu menyatakan orang yang kuat bukan kerana mampu mengalahkan lawan tetapi orang yang kuat adalah yang mampu menundukkan nafsunya pada saat ia sedang marah i sini jelas nafsu merupakan sesuatu yang mendorong ke arah keburukan. Sekiranya seseorang itu memahami, menghayati dan melaksanakan suruhan Tuhan yang sebenar mereka tidak akan melanggar ajaran yang telah dibuat oleh Allah S.W.T. Junior meminta kebenaran ibunya untuk menggunakan bilik tidur utama dan tidur bersama teman wanitanya. Perlakuan Junior itu ialah dorongan nafsu syahwat yang bertindak melakukan sesuatu dan tidak mengindahkan nilai-nilai moral. Kaitan nafsu dalam situasi Junior ini ialah nafs Al-hayawan iaitu jiwa manusia pada tingkat haiwan yang banyak didominasi oleh dorongan-dorongan primitif. Jika tidak mengikut ajaran yang sebenar akan menyebabkan nafsu menguasai diri. Pengkaji mendapati Junior melakukan sedemikian kerana mengikut hawa nafsu. Jika dilihat daripada kehidupan masa lampunya Junior diberi pendidikan agama yang secukupnya. Junior telah qatam Al-Quran sebelum masuk sekolah rendah lagi. Malahan Imrah mengajar anak-anaknya membaca tafsir Al-Quran dan bersembahyang lima waktu.

Sebagai seorang ibu, pertentangan dalaman yang begitu hebat dan berat terpaksa ditanggung oleh Imrah. Pada saat kematian suami tercinta anak pula membawa balik perempuan bukan muhrim. Semasa itulah hati ibu amat terhisir. Seseorang ibu yang sempurna perlu mempunyai pengetahuan dan perlu pandai menyesuaikan diri dengan sebarang keadaan supaya dia boleh menjaga imej anak-anaknya. Pertentangan keluarga berlaku apabila Imrah merasakan pembalasan Tuhan kepadanya kerana menderhaka kepada ayahnya. Imrah merasakan dia sudah menerima balasan Tuhan atas perbuatannya berkahwin dengan Lawrence tanpa restu dari ayahnya.

Dalam *The Missing Piece II* (2006) memaparkan perkahwinan kedua Imrah dengan Charlie. Perkahwinan ini tidak direstui oleh keluarga Charlie. Sewaktu bertandang ke rumah Charlie penerimaan keluarganya amat tidak menyenangkan. Ibu Chalie tidak mahu bersalam dengan Imrah walaupun Imrah menghulurkan tangan padanya.

Perlakuan ibu Charlie menunjukkan sikap kurang senang ibunya apabila berjumpa dengan menantunya yang berlainan bangsa dan agama. Lebih-lebih lagi Charlie sanggup menunggu Imrah selama 20 tahun. Walaupun Charlie sangat menyukai Imrah namun keluarga Charlie, iaitu abangnya sendiri sanggup memfitnah adik iparnya ada hubungan dengan orang lain. Kawan abangnya sering melihat Imrah membawa kereta ke hotel tepi pantai. Perbuatan ini menyebabkan berlaku keretakan rumah tangga antara Imrah dengan Charlie.

Charlie begitu mempercayai kata-kata abangnya. Sebenarnya abang dan keluarga Charlie tidak bersetuju Charlie memeluk agama Islam dan berkahwin dengan wanita Islam. Justeru, pelbagai cara dibuat untuk merosakkan rumah tangga adiknya. Oleh sebab, sikap terburu-buru dan perasaan ammarah menguasai Charlie. Tanpa usul periksa berdasarkan gambar yang diubah suai, Charlie percaya bahawa Imrah berlaku curang kepadanya.

Charlie seharusnya menyiasat terlebih dahulu apa yang dikatakan oleh abangnya. Charlie tidak boleh bertindak melulu. Sifat marah yang keterlaluan akan menyebabkan berlakunya perkara yang tidak diingini serta situasi diluar batasan kemanusiaan. Sikap Charlie yang mempercayai fitnah dari abangnya juga sangat tidak elok kerana akan memudaratkan hubungan Charlie dan Imrah.

Sebagai seorang yang beriman Charlie tidak boleh bersikap buruk sangka kepada Imrah yang sangat setia terhadapnya. Akibat perbuatan dan sikap Charlie ini menyebabkan Charlie berada dalam keadaan marah dengan perbuatan isterinya. Imrah pula tidak menyangka Charlie menganggapnya sebagai seorang perempuan yang murahan dan liar. Oleh itu, wujud perasaan tidak senang antara kedua-dua mereka. Hal ini berkait rapat dengan hati. Hati yang tidak tenteram dan tidak tenang akan menyebabkan marah, geram, gelisah dan sedih.

Dalam Al Quran menjelaskan bahawa setiap manusia di muka bumi ini haruslah sentiasa baik dan janganlah bermusuhan antara satu sama lain. Apabila berlaku permusuhan atau persengketaan antara kedua-dua pihak yang baik-baik maka pihak musuh akan berasa gembira kerana segala kemahuan dan impian mereka terlaksana. Seelok-eloknya kedua-dua pihak yang bermusuhan itu berbaik-baik dan berdamai antara satu sama lain. Allah S.W.T. melarang umatnya bermusuhan kerana azab bagi orang yang melakukan kesalahan amatlah berat. Segala gerak fikiran dan minda untuk melakukan sesuatu adalah didorong oleh hati. Hatilah yang menggerakkan sesuatu tindakan agar melakukan perkara yang baik dan buruk.

Antara Hadis yang menyebut berkenaan hati yang dilaporkan oleh Abu Zar dan Ahmad. Nabi Muhammad bersabda “Manusia, dua matanya itu memberi petunjuk. Kedua-dua telinganya itu corong, Lidahnya itu jurubahasa. Kedua-dua tangannya sayap. Kedua kakinya pos. Dan hatinya itu raja. Apabila raja itu baik, baiklah tentera-tenteranya”.

Hawwa (1999) menjelaskan hadis ini menunjukkan kaitan antara anggota tubuh dengan hati yang memandu arah tuju kehidupan manusia. Anggota luaran dan dalaman yang bersepadu melahirkan hidup yang seimbang. Usaha mencari keseimbangan ini bukan mudah kerana adanya halangan-halangan yang berupaya memberi gangguan termasuklah syaitan dan nafsu.

Charlie sepatutnya bertindak menggunakan akal fikiran bukannya bertindak secara melulu yang menyebabkan rumah tangga mereka menjadi retak. Dalam konteks ini Charlie sepatutnya memperbaiki akhlaknya yakni jangan menurut atau menerima sesuatu perkara bulat-bulat tanpa usul periksa. Akhlak yang baik adalah sangat penting dan sememangnya boleh diubah-ubah dan mengalami perubahan. Hal ini terjadi kepada Charlie yang dahulunya amat menyayangi dan menghormati Imrah. Namun akibat difitnah sikap Charlie sudah berubah. Menurut Lari (1990) kejahatan merupakan perwujudan daripada keperibadian yang tidak seimbang. Ketika seorang individu kehilangan pengawasan atas akalnya maka ia juga akan kehilangan kendali atas kehendak dan dirinya sendiri. Manusia tersebut tidak hanya lepas dari kendali akal, tetapi juga kehilangan peranannya sebagai unsur yang produktif dalam kehidupan dan berubah menjadi makhluk sosial yang berbahaya.

Sepatutnya Charlie bersikap rasional dan jangan mempercayai kata-kata abangnya yang cuba untuk musnahkan rumah tangganya. Abangnya berusaha untuk memisahkan adik dan adik iparnya yang sudah hidup bahagia setelah berumah tangga. Pertentangan berlaku dalam diri Imrah apabila dia berbohong dengan anak bongsunya tentang hubungan dengan ayah tirinya. Imrah tidak mahu anak bongsunya mengetahui akan keretakan hubungan di antara dia dengan Charlie. Hal ini menyebabkan dia berbohong. Perlakuan Imrah ini sebenarnya bertujuan menyembunyikan masalah rumahtangga mereka kepada anaknya. Hakikatnya Imrah menyesal dengan tindakannya.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya jelaslah bahawa pertentangan keluarga sering berlaku dalam masyarakat. Situasi ini wujud kerana perasaan tidak puas terhadap individu, keluarga dan masyarakat sekeliling. Kewujudan sifat negatif mengundang berlaku perkara yang melanggar peraturan agama Islam. Sikap tolak ansur dan toleransi wajar diwujudkan demi kerukunan setiap ahli dalam keluarga. Hal ini dapat diatasi dengan pertimbangan yang waras, tindakan yang rasional dan berlandaskan ajaran agama yang sebenar. Sumber agama yang sebenar wajar dijadikan landasan dalam menjalani kehidupan seharian.

Rujukan

- Abu, 'U. (2003). *Asas-asas kefahaman Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Achmad, M. (2000). *Jiwa dalam Al Quran*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Al Ghazali (2007). *Ihya' Ulumiddin*. TK.H Ismail Yakub (terj.) Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Hilali, M. (1999). *38 Sifat Generasi Unggulan*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Quran (1980). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Kuala Lumpur: Darulfikir, 1756 pp.
- Amina, H.N. (1999). *Bagaimana Menghadapi Ujian Hidup*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa.
- As-Siddiq, A. J. (2002). *Rahsia Tingkatan Nafsu*. Selangor: Penerbit Darul Iman.
- Buhairi, S.M.A.A. (t.th) Abdurrahman & Farida (terj), *Tafsir Ayat-ayat Yaa Ayyuhal-Ladziina Amanuu*. Jakarta: Pustaka Kautsar.
- Fatimah Busu (2005). *The Missing Piece I*. Selangor: Citra Kurnia Enterprise.

- Fatimah Busu (2006). *The missing piece II*. Selangor: Citra Kurnia Enterprise.
- Fatimah, A. (1983). *Wanita Melayu dan Pekerjaan: Satu Analisis Konflik Peranan*. Tesis Sarjana Sastera yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah, B. (1977). *Ombak bukan biru*. Kuala Lumpur: Utusan Princorp.
- Fatimah, B. (2004). *Salam Maria*. Selangor: Absolute Press (M).
- Ghazali, D. (1997). *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Hawwa, S. (1999). *Rambu-Rambu Jalan Ruhani: Sharah "Al Hikam " Syeikh Ibu 'Athailah As-Sakandari*. Jakarta: Penerbit Robani Press.
- Lari, S. M. M. (1990). *Psikologi Islam*. Bandung Pustaka Hidayah.
- Mazita, M.R. (2006). *Watak dan Perwatakan Serta Konflik dalam Novel Hujan Sudah Teduh Karya Zaharah Nawawi*. Latihan Ilmiah Pendidikan Kesusasteraan yang tidak diterbitkan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Najati, M.U., (2005). *Psikologi Nabi*. Indonesia: Pustaka Hidayah.
- Nik Aziz, N.P. (2002). *Keluarga Berdaya Maju*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Azman, N.Y. (2009) *Isu Pergolakan Jiwa Manusia*. Latihan Ilmiah Pendidikan Kesusasteraan yang tidak diterbitkan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noor Rashidah, R. (2011). *Gaya pengurusan konflik di kalangan pegawai kumpulan pengurusan dan profesional: satu kajian kes di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Putrajaya*. Sarjana Sains Pengurusan yang tidak diterbitkan. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Nur Iman, A. (2002). *Membersih Jiwa dari Sifat Mazmumah*. Kuala Lumpur: Ah Hidayah Publisher.
- Rudy, S. (2009). *Psikologi Islam: Tuntutan Jiwa Manusia Moderan*. (terj.) Jakarta: Penerbit Rajawali Pers.